

## PENGURUSAN HUTANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

Mengeluarkan pinjaman/pembiayaan merupakan perkara biasa dalam perancangan kewangan. Sama ada untuk membeli rumah, melanjutkan pelajaran, atau memulakan perniagaan, pengurusan hutang yang bertanggungjawab boleh membantu awda mencapai matlamat kewangan awda. Pengurusan hutang yang tidak teratur pula boleh membawa kepada tekanan dan ketidakstabilan kewangan.

Sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD), berikut adalah langkah-langkah untuk mengurus hutang dengan bertanggungjawab:

### 1. Fahami Komitmen Awda

Tahukah awda berapa banyak pendapatan awda digunakan untuk membayar hutang? Ini dipanggil Nisbah Perkhidmatan Jumlah Hutang (TDSR). Ini menunjukkan peratusan pendapatan bulanan yang digunakan untuk bayaran balik pinjaman. Walaupun bank mungkin membenarkan awda meminjam sehingga 60% daripada pendapatan bulanan awda, adalah lebih bijak untuk mengekalkannya di bawah 35% supaya awda mempunyai baki yang mencukupi untuk keperluan harian anda dan tidak berasa tertekan.

Mula dengan senaraikan semua hutang bulanan awda, termasuk jumlah, faedah, dan tarikh akhir pembayaran. Gambaran yang jelas ini boleh membantu awda kekal terkawal, mengelakkan pembayaran lewat dan membina tabiat kewangan yang kukuh untuk masa hadapan.

### 2. Utamakan Pembayaran Balik

Pastikan awda mempunyai strategi yang jelas untuk membayar hutang. Salah satu cara yang berkesan adalah memberi keutamaan kepada hutang dengan kadar faedah yang tinggi terlebih dahulu, seperti kad kredit. Kaedah ini dikenali sebagai *avalanche method*, yang bertujuan mengurangkan jumlah faedah keseluruhan dalam jangka panjang. Sebagai pilihan lain, awda boleh guna *snowball method*, iaitu dengan menyelesaikan hutang yang paling kecil dahulu untuk membina semangat dan kekal bermotivasi.

### 3. Semak Laporan Kredit Awda Secara Kerap

Amalkan menyemak laporan kredit awda secara kerap. Ini akan membantu awda memahami tahap kesihatan kredit awda, mengesan sebarang ketidaktepatan, dan menghalang daripada menjadi mangsa kecurian identiti. Pihak bank akan menggunakan laporan kredit awda untuk menilai tahap

kebolehpercayaan sebelum meluluskan sebarang permohonan pinjaman/pembiayaan. Mengekalkan kesihatan kredit yang baik merupakan sebahagian penting dalam perancangan kewangan, serta boleh meningkatkan peluang awda untuk mendapatkan terma kewangan yang lebih baik di masa depan.

#### **4. Dapatkan Bantuan Profesional, Jika Perlu**

Jika awda berasa terbeban dari segi kewangan, awda boleh berbincang mengenainya dengan pihak bank atau perancang kewangan yang bertaualiah daripada Persatuan Perancang Kewangan Brunei Darussalam (FPAB). Menangani sebarang masalah kewangan dari awal boleh mencegahnya daripada menjadi lebih buruk di masa akan datang. Awda boleh hubungi FPAB melalui emel [persatuankewanganbrunei@outlook.com](mailto:persatuankewanganbrunei@outlook.com) untuk mendapatkan sesi konsultasi.

Meminjam dengan bertanggungjawab boleh membantu awda mencapai matlamat kewangan secara lebih teratur. Dengan strategi dan sokongan yang betul, awda boleh memastikan setiap komitmen awda diurus dengan baik tanpa menjejaskan kestabilan kewangan jangka panjang awda.

Hari Celik Kewangan Kebangsaan ialah acara celik kewangan yang diterajui oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan disokong oleh Majlis Kebangsaan Celik Kewangan. Antara objektif acara ini adalah untuk:

1. Meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam
2. Menggalakkan pengurusan wang yang bijak
3. Meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di Negara Brunei Darussalam

Bersama-sama kita membina masyarakat yang celik dan berdaya tahan dari segi kewangan